

# Liberty Mutual Mahu Ambil Alih AmGeneral, Jadi Syarikat Insurans Motor Terbesar

July 21, 2021 By Shawkath – [Leave a Comment](#)



LIBERTY Mutual akan memohon kebenaran daripada pihak pengawal selia untuk mengambil alih syarikat insurans AmGeneral Insurance Berhad (AmGeneral). Buat masa ini, AmGeneral dimiliki dua pihak iaitu AmBank Group (51 peratus) dan Insurance Australia Group (IAG) (49%).

Liberty Insurance Berhad bercadang mengambil alih 100 peratus pegangan AmGeneral, tertakluk kepada kelulusan pihak pengawal selia.

Apa yang akan berlaku ialah AmBank Group akan menerima bayaran jualan dalam bentuk tunai dan pegangan saham iaitu 30 peratus kepentingan dalam Liberty Insurance Berhad dan perniagaan AmGeneral.

Ini akan menyaksikan operasi AmGeneral dan Liberty Insurance Berhad disatukan secara rasmi pada satu tarikh kelak.

Penggabungan itu akan membentuk syarikat insurans motor terbesar dan insurans am kedua terbesar di Malaysia, berdasarkan data 2020.



Sebagai sebahagian transaksi, penggabungan itu termasuk satu kerjasama eksklusif bancassurance selama 20 tahun dengan AmBank Group untuk mengagihkan produk insurans am.

AmGeneral mempunyai seramai 1,400 kakitangan di 33 cawangan. Firma itu menduduki ranking tiga teratas syarikat insurans motor serta menawarkan produk insurans komersial dan persendirian di bawah jenama AmAssurance dan Kurnia.

Jika mengambil kira dua jenama itu, ada lebih 6,000 ejen, broker, penjual kenderaan, syarikat francais dan sekutu. Citigroup, Inc bertindak sebagai penasihat kewangan kepada Liberty Mutual dalam proses transaksi.